

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 29 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8232

SOALAN:

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah bentuk tindakan tegas oleh Kerajaan terhadap penganjur dan peserta perhimpunan haram BERSIH 4.0 yang secara terang-terangan berbaur perkauman dan hasutan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan dengan teliti dan rapi bagi mengenalpasti serta menggunakan segala peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi membawa pihak-pihak yang melanggar undang-undang semasa perhimpunan BERSIH 4 pada 29 dan 30 Ogos 2015. Ini adalah bertujuan untuk mendakwa pihak-pihak berkenaan selaras dengan peruntukan Akta Perhimpunan Aman 2012 dan lain-lain peruntukan undang-undang sedia ada.

Bagi Perhimpunan BERSIH 4, pihak polis membuka sebanyak 28 kertas siasatan atas pelbagai kesalahan seperti berikut:-

BIL	KESALAHAN	JUMLAH KES
1	Seksyen 8 Akta Bahan Letupan	2
2	Akta Perhimpunan Aman 2012	15
3	Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984	4
4	Seksyen 5 (1) Ordinan Hiburan	1
5	Akta Hasutan 1948	1
6	Seksyen 124 (c) – Gangguan Ketenteraman	3
7	Seksyen 506 – Ugutan Jenayah	1
8	Seksyen 353 – Mengeluarkan kata-kata kesat kepada penjawat awam	1
JUMLAH BESAR		28